

Perahu Buatan Barat

- Perahu jenis ini disebut sabagai jajahan barat bagi orang melayu Terengganu . Ini kerana barat merujuk kepada Pattani yang terletak dibahagian barat Kelantan.
- Bangau pada perahu ini biasanya mengambil bentuk seakan naga atau Makara yang disamarkan dengan corak daun atau tumbuhan.



Bangau Perahu Buatan Barat
Kuala Besut, Terengganu
1967, Kayu Cengal, 96.5cm x 114cm



Perahu Kolek (Kolek Lincang)

Bangau pada Kolek selalunya diukir dengan motif yang abstrak seakan akan menyerupai bentuk unduk-unduk laut yang mana para nelayan di Terengganu menyebutnya sebagai “daun bangau”. Pada bahagian leher bangau biasanya akan dicat dengan warna putih, manakala bahagian mata dan hujung atasnya dicat dengan warna biru gelap atau hijau. Okoknya pula hanya ukiran memanjang yang menegak seolah olah menjadi miniatur bangau pada perahu tersebut.



Bangau pada perahu Kolek Terengganu yang dirakamkan oleh Mubin Sheppard dalam buku Taman Indera.



Perahu Kolek (Kolek Kue)

Bangau kolek ini mempunyai kepala burung bangau yang bergeliga di mulutnya. Pada bahagian atas kepalanya (jambul) diukir dengan motif awang larat, okoknya bersaiz kecil berbentuk daun bangau.



Bangau Kolek Kue
Kemaman, Terengganu
1974, Kayu Cengal, 137cm x 95cm